

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : -

Akta 342 diguna kawal COVID-19 selepas 1 Ogos

Oleh Rafidah Mat Ruzki
dan Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Pembatalan Ordinan Darurat atau penamatan Proklamasi Darurat tidak akan memberi kesan terhadap usaha kerajaan mencegah dan mengawal penularan COVID-19.

Ini berikutan kerajaan masih boleh menggunakan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) yang kali pertama diwartakan pada Mac tahun lalu dan digunakan untuk menguatkuasakan semua perintah berkai-

tan COVID-19 sebelum Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 dikuatkuasakan pada 11 Januari lalu.

Semakan *BH* pada laman sesawang Pejabat Peguam Negara mendapati Warta Kerajaan Persekutuan bagi Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelanjutan Kuat Kuasa) itu digazetkan pada 22 Julai lalu.

Menurut warta itu, kuat kuasa Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawa-

san Tempatan Jangkitan) 2020 yang berakhir pada 1 Ogos 2021 akan dilanjutkan bagi tempoh 2 Ogos 2021 hingga 31 Disember 2021.

Perintah itu dibuat Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba mengikut Seksyen 11 Akta 342.

Berikutan itu, penguatkuasaan sebarang peraturan, termasuk kompaun yang sebelum ini dikenakan terhadap mana-mana pihak yang melanggar Akta 342 akan diteruskan selepas 2 Ogos ini sehingga 31 Disember ini.

Timbalan Menteri Kesih-

tan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata menerusi warta itu, usaha mengawal penularan COVID-19 menerusi aktiviti penguatkuasaan selepas tempoh darurat 1 Ogos ini boleh diteruskan menggunakan Akta 342.

Selain itu katanya, Akta Polis 1967 (Akta 344) juga boleh digunakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengawal pergerakan orang awam, termasuk aktiviti rentas daerah dan negeri bagi mencegah penularan wabak berkenaan.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Mesyuarat Khas Penggal Ketiga Parlimen Ke-14

Pendekatan agresif kawal varian membimbangkan

KKM lengkapkan kemudahan kesihatan hadapi gelombang ketiga wabak COVID-19

Kuala Lumpur: Malaysia yang berdepan gelombang ketiga COVID-19 terutama dengan kemunculan varian membimbangkan, memaksa Kementerian Kesihatan (KKM) melaksanakan pelbagai tindakan agresif bagi mengawal serta membendung penularan pandemik itu.

Peningkatan jangkitan dalam gelombang ketiga itu dikesan melalui kes sporadik dan tiada kaitan dengan kes kluster yang menyaksikan negara merekodkan sebanyak 1,017,787 kes positif COVID-19 dengan 8,071 kes kematian setakat kelmarin.

Dalam sesi penerangan selama 55 minit mengenai Tindakan

menangani Pandemik COVID-19 pada Mesyuarat Khas Dewan Rakyat semalam, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata antara langkah yang diambil bagi merawat pesakit COVID-19 adalah mewujudkan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC).

Setakat kelmarin, penggunaan 132 PKRC di seluruh negara mencapai tahap 61 peratus dengan sebanyak 29,835 katil disediakan.

"Bagi semua 221 hospital COVID-19 pula, jumlah katil bukan unit rawatan rapi (ICU) adalah 15,090 di fasiliti kesihatan awam dan 1,288 fasiliti swasta, manakala bagi katil ICU membatik 1,405 di hospital awam dan 128 di hospital swasta.

"Peralatan perubatan seperti ventilator, *patient monitor* dan sebagainya turut dipertingkatkan bagi memperkukuhkan keupayaan dan sebagai kesiapsiagaan menangani pandemik COVID-19," katanya.

Dari segi keupayaan ujian saringan pengesanan, Dr Adham berkata, sebanyak 122,603 ujian

berupaya dilakukan dalam sehari membabitkan 51 makmal kerajaan, 43 makmal swasta yang mempunyai kebolehan menjalankan ujian RT-PCR SARS-CoV-2 di seluruh negara.

"Kita kini berupaya melakukan 122,603 ujian sehari berbanding kapasiti ujian RT-PCR pada bulan Mac 2020 yang hanya 6,210 ujian sehari iaitu peningkatan sebanyak 1,874 peratus.

"Berdasarkan peningkatan keupayaan ini, kapasiti ujian di setiap negeri ditingkatkan. Sebagai contoh, di Selangor bilangan ujian RT-PCR yang dijalankan pada tahun lalu adalah sebanyak 840,165 dan jumlah ini meningkat kepada 2.43 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini," katanya.

Dr Adham berkata, peruntukan RM7.13 bilion yang diterima KKM setakat ini, digunakan untuk saringan dan rawatan pesakit COVID-19 membabitkan sebanyak RM2.35 bilion, manakala RM4.78 bilion bagi tujuan perolehan vaksin COVID-19 serta *consumables* dan peralatan penyimpanan vaksin.

Selain itu, beliau berkata, KKM turut memohon peruntukan RM1.14 bilion perolehan tambahan bagi peralatan kesihatan seperti *reagen, consumables*, peralatan pelindung diri (PPE) dan sebagainya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Tenggara itu berkata, sebanyak 278,023 perjawatan tetap diluluskan kepada KKM oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) setakat 31 April lalu.

Beliau berkata, selain itu lebih 40,000 pelantikan secara kontrak turut diluluskan membabitkan implikasi kewangan sebanyak RM4.3 bilion.

"Bagi aspek pengurusan sumber manusia pula, KKM ingin merakamkan penghargaan kepada pihak yang terlibat meluluskan perjawatan dan pelantikan sumber manusia di KKM.

"Kementerian Kewangan meluluskan peruntukan emolument kepada pegawai di KKM yang kini berjumlah lebih RM18 bilion (63 peratus daripada peruntukan belanja mengurus KKM)," katanya.

Keputusan kajian ubat Ivermectin diketahui September

Kuala Lumpur: Keputusan kajian ubat Ivermectin untuk digunakan bagi merawat pesakit COVID-19 akan diketahui September ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata setakat ini seramai 200 pesakit COVID-19 menyertai kajian terbahit membabitkan 18 hospital kerajaan.

"Kajian terbahit dikenali sebagai *Ivermectin Treatment Efficacy on COVID-19 High Risk Patient*. Ia kini sedang dijalankan di beberapa hospital kerajaan.

"Berdasarkan perancangan awal, 500 pesakit COVID-19 berisiko tinggi dan bergejala ringan akan terbahit dalam kajian ini namun setakat ini, kira-kira 200 pesakit sudah menyertai kajian berkenaan," katanya pada sesi pengumuman Mesyuarat Khas Dewan Rakyat, semalam.

Bagaimanapun penerangan Dr Adham berhubung ubat terbahit mengundang rasa tidak puas hati dalam kalangan wakil rakyat pembangkang yang berterusan menyerangnya dan mendesak supaya Menteri Kesihatan menggunakan kuasanya meluluskan penggunaan ubat itu.

Khalid Abd Samad (PH-Shah Alam) mempersoalkan adakah Menteri Kesihatan sanggup bertanggungjawab atas kematian lebih ramai pesakit COVID kerana enggan meluluskan penggunaan ubat terbahit.

Sivarasa Rasiah (PH-Sungai Buloh) pula meminta Dr Adham membuat keputusan segera supaya penggunaan ubat itu diluluskan walaupun kajian sedang dilaksanakan.

"Saya membuat keputusan kita tunggu hingga peroleh keputusan kajian *randomised control trial* bulan September ini," tegas Dr Adham.

Dalam perkembangan lain, Dr Adham berkata, hospital medan yang ditutup di Labuan, akan dibawa ke Melaka bagi menampung keperluan perkhidmatan kesihatan di negeri berkenaan.

"Kita faham keperluan Yang Berhormat. Sebab itu saya nak maklumkan dan menjelaskan bahawa kita sudah membina 10 unit ICU Modular dan ia pun sudah beroperasi.

"Namun berikutan penutupan hospital medan di Labuan susulan penurunan kes dan peningkatan vaksinasi, kita akan membawa hospital medan terbahit ke Melaka," katanya menjawab celahan Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka).

Terkini COVID-19

11,526

Pulih, dibenar keluar hospital, semalam

16,117

Kes baharu disahkan, semalam

8,408

jumlah kematian dicatat

1,044,071

jumlah kes disahkan positif

170,224

Kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia 2.0

13 strategi jamin kesejahteraan pemakanan rakyat

Putrajaya: Tan Sri Muhyiddin Yassin menjelaskan tiga matlamat dalam Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia 2.0 (DPKM 2.0) adalah untuk meningkatkan status pemakanan, mengurangkan prevalen penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan dan memperkukuhkan sekuriti makanan serta pemakanan.

Perdana Menteri berkata, bagi mencapai matlamat DPKM 2.0, 13 strategi dibentuk untuk memastikan kesejahteraan pemakanan rakyat Malaysia.

"Semua strategi dirangka itu bersifat menyeluruh bagi memenuhi tiga matlamat DPKM 2.0," katanya ketika melancarkan DPKM 2.0 secara maya, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba; Ketua Setiausaha Negara,

Tan Sri Mohd Zuki Ali; Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan (KKM); Datuk Mohd Shafiq Abdullah dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

DPKM 2.0 diluluskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada Jun lalu.

Muhyiddin berkata, DPKM 2.0 adalah iltizam kerajaan untuk meningkatkan dan mengekalkan kesejahteraan pemakanan masyarakat melalui tiga matlamat terbabit.

Perdana Menteri berkata, pemakanan sihat menjadi kunci kepada kesihatan yang baik, manakala makanan menjadi asas kepada keperluan kehidupan.

Beliau berkata, pembangunan sosioekonomi yang pesat di Malaysia, termasuk perubahan gaya hidup dan amalan pema-

kanan memberi kesan kepada kesejahteraan pemakanan dan pola penyakit dalam masyarakat.

Katanya, ia menyebabkan negara berhadapan masalah beban berganda malpemakanan dengan peningkatan kadar obesiti di setiap peringkat usia dan masalah kekurangan pemakanan, terutama dalam kalangan kanak-kanak bawah usia lima tahun.

Muhyiddin berkata, masalah malpemakanan adalah satu krisis kesihatan sejagat, terutamanya ketika seluruh dunia berdepan pandemik COVID-19 termasuk negara ini.

Beliau berkata, selain daripada beban penyakit tidak berjangkit yang berpunca daripada pemakanan seperti diabetes dan darah tinggi, Jabatan Perangkaan menganggarkan pada 2030, Ma-

laysia akan mencapai status 'negara tua' dengan 15.3 peratus penduduk berusia 60 tahun dan ke atas.

Katanya, seiring dasar digubal, kerajaan melalui KKM akan menyemak semula Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (NPANM) 2016-2025, yang menyokong strategi DPKM.

"Isu pemakanan utama negara seperti sekuriti makanan dan pemakanan juga diintegrasikan dalam Dasar Agromakanan (DAN) 2.0, manakala KKM juga mengetuai Kluster Keselamatan Makanan dan Pemakanan bawah Jawatankuasa Kabinet Sekuriti Makanan Negara yang dipengerusikannya," katanya.

Beliau berkata, isu berkaitan sekuriti makanan dan pemakanan, terutama ketika bencana antara perkara yang turut diberi

perhatian serius kerajaan.

"Dengan semakan dasar ini juga, kerajaan berhasrat melahirkan generasi sihat melalui kesejahteraan pemakanan daripada usia muda.

"Sehubungan itu, bagi memeringi masalah malpemakanan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja, satu jawatankuasa bersama membabitkan pelbagai agensi pemegang taruh yang berkaitan akan ditubuhkan dalam waktu terdekat," katanya.

Sementara itu, Dr Adham dalam ucapannya berkata, usaha untuk menyemak semula DPKM 2.0 dilakukan kumpulan kerja teknikal dasar pemakanan di bawah Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan untuk makanan dan pemakanan dianggotai wakil-kementerian serta agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Perhimpunan aman doktor kontrak

'Peserta perhimpunan berhak suara tuntutan'

Dr Adham jamin tiada tindakan diambil terhadap doktor kontrak

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, memberi jaminan tiada sebarang tindakan akan diambil ke atas semua doktor kontrak yang menyertai perhimpunan aman Gerakan Hartal Doktor Kontrak, kelmarin.

Katanya, semua doktor kontrak yang menyertai perhimpunan itu berhak melakukan tindakan sedemikian.

"Berkaitan doktor kontrak (yang menyertai hartal), mereka tidak akan dikenakan apa-apa tindakan.

"Tiada tindakan akan dikenakan ke atas mereka walaupun mereka keluar untuk demonstrasi. Kita tidak akan ambil tindakan, mereka berhak menyertai perhimpunan itu," katanya.



Dr Adham pada Mesyuarat Khas Penggal Ketiga Parlimen Ke-14 di Parlimen, semalam. (Foto BERNAMA)

Beliau berkata demikian ketika mengulung sesi penerangan pada Mesyuarat Khas Dewan Rakyat, semalam.

Terdahulu, sesi penggulungan itu sedikit panas apabila Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Datuk Mohd Rashid Hasnon, menegur Sivarasa Rasiyah (PH-Sungai Buloh), yang berulang kali mendesak Dr Adham

supaya tidak mengambil tindakan ke atas peserta perhimpunan itu

"Menteri sudah menjawab. Itulah masalah YB (Yang Berhormat) tak dengar apabila menteri menjawab. Lain kali dengarlah apa menteri jawab," tegurnya.

Mengulas lanjut mengenai isu doktor kontrak, Dr Adham ber-

kata, Perdana Menteri sudah mengumumkan langkah yang diambil.

Bagaimanapun, beliau berjanji akan membawa perkara itu ke Parlimen bagi membantu semua doktor kontrak terbabit dapat diserap ke perjawatan tetap.

"Semua doktor kontrak dapat lanjutan dua tahun, mereka 'housemanship' tiga tahun, dua tahun khidmat wajib, tambah lagi dua tahun.

"Jadi, dalam masa dua tahun saya berjanji akan bawa ke Parlimen untuk kita bantu mereka diserap ke perjawatan tetap.

"Kita minta semua YB (Yang Berhormat) menyokong supaya semua doktor kontrak dalam KKM (Kementerian Kesihatan) akan diberikan jawatan tetap," katanya.

Beliau berkata, doktor terbabit juga boleh dibantu untuk mendapatkan pensen atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), namun ia membabitkan pindaan Akta Pencen 1990 serta Akta Perubatan.

"Justeru, kita perlu mendapatkan sokongan semua Yang Berhormat supaya perkara ini dapat direalisasikan," katanya.



Jawatan tetap antara tuntutan doktor kontrak

Laporan BH semalam.

Polis tak siasat doktor kontrak sertai bantahan aman di HTF

Kangar: Polis tidak akan menjalankan siasatan lanjut terhadap peserta Hartal Doktor Kontrak yang mengadakan bantahan secara aman di Hospital Tuanku Fauziah (HTF), di sini kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kangar, Superintendan Wari Kiew, mengesahkan pihaknya menerima satu laporan berhubung bantahan itu yang dilakukan di pekarangan Blok B HTF.

"Namun, tiada siasatan lanjut dijalankan kerana kita mendapati tindakan peserta yang berkumpul itu tidak melanggar undang-undang sedang berkuat kuasa.

"Peserta juga didapati mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan seperti memakai pelitup muka dan mempunyai penjarakan fizikal," katanya ketika dihubungi, semalam.

Media kelmarin melaporkan hampir 50 doktor berstatus kontrak mengadakan bantahan secara aman di HTF, kira-kira jam 11 pagi sebelum berakhir 30 minit kemudian.

Bantahan itu dilaporkan bukan saja disertai doktor kontrak bertugas di HTF tetapi juga dari fasiliti kesihatan kerajaan yang lain di Perlis.

Wakil kumpulan doktor berkenaan yang hanya mahu dikenali sebagai Dr H dipetik sebagai berkata, bantahan itu bertujuan menggesa kerajaan supaya menyerap doktor kontrak sedia ada ke dalam perjawatan tetap.

50 doktor

berstatus kontrak menyertai perhimpunan aman di Hospital Tuanku Fauziah, Kangar kelmarin

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Pelau Pemulihan Negara

Petugas kesihatan main peranan besar kawal wabak


Penduduk diminta sentiasa waspada walaupun sudah beralih ke Fasa Dua

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Petugas barisan hadapan kesihatan negara memainkan peranan amat besar dalam usaha mengawal penularan jangkitan COVID-19, sekali gus membantu menjayakan Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Pakar penyakit berjangkit, Prof Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman, berkata walaupun beberapa negeri sudah memasuki Fasa Dua PPN selepas mencapai nilai ambang yang ditetapkan, peranan petugas kesihatan tidak berkurangan, sebaliknya perlu terus memastikan lonjakan semula kes tidak berlaku.

Prof Adeeba yang juga Anggota Majlis Sains Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), berkata negeri seperti Perlis, Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak sudah berjaya beralih ke Fasa Dua, selepas usaha yang dilakukan dari segi mengurangkan jumlah kes jangkitan dan meningkatkan



Petugas kesihatan memberi suntikan vaksin kepada Ahmad Marzuki Othaman ketika Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) di Dewan Dato Ahmad Razali, di Ampang, semalam. (Foto ASYRAF HAMZAH/BH)

kadar vaksinasi, yang bakal diikuti negeri lain.

"Jika ada trend peningkatan kes, petugas kesihatan ini perlu mencari sebanyak mungkin kes dan kontak rapat dan mengasingkan mereka bagi memutuskan jangkitan.

"Perkara terakhir yang kita mahu adalah sekatan pergerakan yang berulang kerana ia menjejaskan kehidupan rakyat

dan ekonomi.

"Sehingga program vaksinasi menunjukkan keberkesanan, petugas kesihatan perlu keluar dan mengambil langkah kesihatan awam tradisional untuk memutuskan rangkaian jangkitan.

"Tidak semestinya apabila kita beralih ke Fasa Dua, kita sudah boleh menarik nafas lega dan tidak lagi berwaspada," katanya pada temu bual bersama

media, semalam.

Justeru, Dr Adeeba menegaskan mengenai pentingnya data terkini dan terperinci pada peringkat negeri serta daerah supaya peningkatan kes dapat dipantau dengan teliti serta langkah segera boleh diambil petugas kesihatan.

Beliau juga berpandangan, sekatan pergerakan tidak boleh dilonggarkan terlalu cepat berikutan jumlah kes COVID-19 yang masih tinggi ketika ini, selain penggunaan katil di unit rawatan rapi (ICU) yang masih membimbangkan.

Mengulas kes jangkitan yang tinggi terutama di Lembah Klang, Prof Adeeba menjelaskan, banyak faktor yang mempengaruhi situasi itu, antaranya jumlah kilang yang menyumbang kepada kluster COVID-19 dan kepadatan penduduk.

"Sejak kebelakangan ini, kerajaan giat memberikan vaksin kepada penduduk dan ia adalah tindak balas pandemik yang memberi harapan kepada kita.

"Beberapa negeri seperti Kuala Lumpur, Putrajaya, Sarawak dan Labuan sudah mencapai pemberian satu dos yang tinggi, manakala beberapa negeri perlu meningkatkan lagi pemberian vaksin bagi mengatasi masalah peningkatan kes," katanya.

Baru-baru ini, kerajaan melancarkan 'operasi lonjakan kapasiti' di Kuala Lumpur dan Se-

Jika ada trend peningkatan kes, petugas kesihatan ini perlu mencari sebanyak mungkin kes dan kontak rapat dan mengasingkan mereka bagi memutuskan jangkitan.

Dr Adeeba Kamarulzaman Pakar penyakit berjangkit



langor untuk meningkatkan suntikan vaksin bagi membendung penularan pandemik di Lembah Klang.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin, dilaporkan berkata menerusi 'operasi lonjakan kapasiti', pihaknya akan pastikan setiap individu dewasa di Kuala Lumpur dan Selangor akan terima sekurang-kurangnya satu dos menjelang 1 Ogos.

Khairy menyasarkan menerusi operasi itu, keupayaan dan kapasiti vaksinasi di Lembah Klang akan ditingkatkan daripada 180,000 dos sehari kepada 272,000 dos sehari.

Kelmarin, sebanyak 521,923 dos vaksin diberikan di seluruh negara, iaitu kadar tertinggi sejak program vaksinasi bermula.

Daripada jumlah itu, 219,923 suntikan diberi di Lembah Klang, menjadikan 80.6 peratus populasi dewasa di Kuala Lumpur dan Selangor kini sudah terima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

CAC maya minimumkan risiko jangkitan COVID-19



Petugas kesihatan memeriksa aplikasi kehadiran pesakit sebelum ke tempat penilaian kesihatan di CAC Stadium Malawati, Shah Alam, semalam. (Foto Owee Ah Chun/BH)

Kuala Lumpur: Pelaksanaan Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) secara maya akan membolehkan CAC fizikal memberi tumpuan kepada pesakit bergejala yang perlu mendapat rawatan sama ada di hospital atau Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC).

Pakar penyakit berjangkit negara, Prof Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman, berkata kehadiran mereka yang disahkan positif COVID-19 untuk tujuan penilaian menyebabkan kesesakan di pusat itu, dengan ada antara CAC yang dikunjungi sehingga 2,000 pesakit hanya untuk memotong gelang merah jambu.

Prof Dr Adeeba yang juga Anggota Majlis Sains Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), berkata melalui CAC maya, pesakit COVID-19 Kategori Satu dan Dua hanya perlu maklumkan keadaan mereka melalui aplikasi MySejahtera dengan menjawab

beberapa soalan yang kemudian dipantau petugas kesihatan secara maya.

"Majoriti pesakit COVID-19 tiada atau mempunyai sedikit simptom, namun berdasarkan data, 20 peratus daripada mereka boleh beralih kepada penyakit yang lebih teruk, selalunya pada minggu kedua.

"Justeru, jika kita boleh memantau mereka di rumah menggunakan sistem automatik yang disokong pengamal perubahan awam dan pusat panggilan yang disediakan, kita boleh meminimumkan risiko itu dan mengesan situasi mereka lebih awal untuk diberikan rawatan," katanya pada temu bual bersama media, semalam.

Sebelum ini, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr Chong Chee Kheong, maklumkan pesakit COVID-19 di Lembah Klang yang

mengalami gejala ringan atau tidak bergejala tidak perlu ke CAC, sebaliknya menjalani pengasingan di rumah dan dipantau secara maya.

Kelmarin, Pasukan Petugas Khas Lembah Klang (GKVSTF) memutuskan mengguna CAC secara maya berkuat kuasa serta-merta, susulan kesesakan di CAC sekitar Lembah Klang serta peningkatan kes sejak akhir ini.

Prof Adeeba berkata, banyak lagi yang perlu dilakukan bagi memastikan keberkesanan CAC maya, termasuk pendidikan kepada pesakit, yang mana Kementerian Kesihatan baru-baru ini mengeluarkan garis panduan berkaitan penjagaan diri bagi pesakit COVID-19 di rumah.

"Perbincangan lanjut akan diadakan selepas ini, mengenai bagaimana pengamal perubahan awam boleh menyediakan sokongan kepada pesakit yang dipantau di rumah," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Malaysia rekod 521,923 dos suntikan harian

Putrajaya: Kadar pemberian vaksin harian negara menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) mencatatkan rekod tertinggi kelmarin iaitu sebanyak 521,923 dos.

Sebelum ini, jumlah pemberian vaksin harian tertinggi adalah 507,050 dos dicatat pada 22 Julai.

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV), menerusi laman Twitter memaklumkan, daripada jumlah yang dicatat kelmarin, seramai 333,621 individu menerima dos pertama, manakala 188,302 mendapat dos kedua.

Setakat ini sebanyak 4,967,772 dos pertama diberikan di Lembah Klang, disusuli Sarawak dengan 1,668,577 dos, Johor (922,551), Perak (683,775), Sabah (672,199) dan Pulau Pinang (652,022).

JKJAV memaklumkan, bagi dos kedua, sebanyak 1,737,352 dos diberikan di Lembah Klang, Sarawak (1,171,172), Johor (402,777), Sabah (381,205) dan Perak (378,888).

Sehingga kini, 51.8 peratus populasi dewasa negara mendapat dos pertama atau 37.1 peratus populasi negara, manakala 24.4 peratus populasi dewasa menerima dos kedua (17.5 peratus populasi negara).

Secara kumulatifnya, JKJAV berkata, sebanyak 17,839,476 dos sudah diberikan kepada penduduk di negara ini setakat ini, yang meliputi 12,131,329 dos pertama dan 5,708,147 dos kedua.

333,621

individu menerima dos pertama

188,302

individu menerima dos kedua

Penularan COVID-19

Labuan wilayah pertama capai imuniti kelompok

80 peratus populasi penduduk dewasa terima vaksin

Labuan: Labuan selesai memvaksinasi penuh 80 peratus populasi dewasa, semalam, menjadikan pulau bebas cukai itu Wilayah Persekutuan dan negeri pertama di Malaysia mencapai imuniti kelompok bagi membendung penularan COVID-19.

Wilayah Persekutuan itu memberi suntikan vaksin kepada 54,800 daripada 68,500 penduduk dewasa yang disenaraikan sebagai layak untuk Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) Labuan dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Labuan menyifatkan program itu sebagai tugas yang sukar tetapi mengakui kerjasama berpasukan yang hebat membuahkannya kejayaan.

Pengerusi CITF Labuan, Rithuan Ismail, berkata sebanyak 54,800 (80 peratus) daripada jumlah populasi yang layak untuk divaksin, menerima dua dos vaksin.

"Kami gembira dapat mencapai imuniti kelompok tiga hari lebih awal daripada tarikh sasaran iaitu 30 Julai ini.

"Pencapaian itu adalah kejayaan penduduk di pulau ini yang peka terhadap kepentingan vaksinasi COVID-19 serta kerja berpasukan daripada pasukan petugas khas dan masyarakat sebagai sukarelawan yang dinamakan Private Team (Prihatin Volunteers).

"Jumlah penduduk yang divaksin pada Jun kurang daripada



Dr Ismuni memberikan suntikan di pusat pemberian vaksin (PPV) pandu lalu di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), semalam.

(Foto BERNAMA)

14,000 tetapi meningkat dengan drastik kepada 40,800 dalam masa 37 hari dan (terus meningkat) hari ini (semalam)," katanya kepada *BERNAMA* selepas menyaksikan seorang individu menerima suntikan dos kedua vaksin Pfizer-BioNTech, bagi melengkapkan imunisasi terhadap 54,800 orang, di pusat pemberian vaksin (PPV) pandu lalu di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), di sini.

PICK Labuan dilancarkan pada 27 Februari lalu oleh Senator Datuk Bashir Alias yang menjadi individu pertama di Labuan menerima dos pertama vaksin.

Secara keseluruhannya, program vaksinasi di Labuan berjalan lancar walaupun terdapat peningkatan jumlah kes dan kemunculan varian Delta.

Setakat kelmarin, Labuan merekodkan jumlah kumulatif 9,607 kes COVID-19 dan 146 kematian

akibat wabak itu dengan lapan kes dicatat kelmarin, namun tiada kematian dilaporkan.

CITF Labuan merekodkan 95.7 peratus atau 65,521 daripada 68,500 populasi dewasa menerima suntikan dos pertama vaksin setakat kelmarin.

Bagi mempercepatkan pencapaian imuniti kelompok, CITF dan JPBN Labuan yang diketuai personel Jabatan Kesihatan Labuan memperluaskan program itu dengan menjalankan vaksinasi dari rumah ke rumah untuk memberikan suntikan kepada orang kurang upaya (OKU) dan mereka yang terlanjar sakit.

"Kami juga melaksanakan vaksinasi pandu lalu dan 'walk-in' yang dikendalikan Majlis Perwakilan Penduduk, menyaksikan ramai penduduk dari 27 kampung datang ke PPV," katanya dan menambah Labuan mempunyai sembilan PPV termasuk satu di

terminal feri antarabangsa untuk pekerja dalam sektor perkapalan, serta minyak dan gas.

JPBN dan CITF Labuan yang diketuai Jabatan Kesihatan Labuan, Majlis Keselamatan Negara (MKN), polis, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Pengarah Kesihatan Labuan, Dr Ismuni Bohari, berkata penduduk Labuan harus bersedia untuk hidup dengan COVID-19 dan yang paling penting, perlu terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

"Sekurang-kurangnya satu ke dua tahun kita akan hidup dengan pandemik ini. Kita perlu memastikan ahli keluarga dan rakan-rakan telah divaksin penuh bagi melindungi diri kita daripada COVID-19," katanya.

BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19



Petugas kesihatan melakukan sesi ujian saringan kepada penduduk di sekitar penempatan Bukit Malut, Langkawi, semalam. (Foto BERNAMA)

11,526 kes sembuh catat rekod tertinggi

Kes pesakit di ICU, kematian terus catat pertambahan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 11,526 kes sembuh daripada jangkitan COVID-19 direkodkan semalam, sekali gus menjadi yang tertinggi setakat ini, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Katanya, ia menjadikan jumlah keseluruhan kes pulih sepenuhnya daripada virus berkenaan ialah sebanyak 865,439 atau 82.89 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Bagaimanapun, beliau berkata, pada masa sama, jumlah kes di unit rawatan rapi (ICU), kes kematian dan kluster baharu tetap melaporkan jumlah tertinggi dan membimbangkan.

Katanya, kes sedang dirawat di ICU semalam terus mencatatkan pertambahan, iaitu 1,023 kes dengan 524 kes masih memerlukan alat bantuan pernafasan manakala kes kematian kekal tertinggi dua hari berturut-turut sebanyak 207 kes dilaporkan.

"Selangor mencatatkan kes kematian tertinggi dengan 96 kes diikuti Kuala Lumpur (34), Johor (21), Melaka (17), Kedah (15), Negeri Sembilan (tujuh), Kelantan (lima), masing-masing tiga di Sabah dan Terengganu, manakala masing-masing dua kes di Sarawak dan Pahang.

"Selain itu, satu kes kematian masing-masing dilaporkan di Pulau Pinang dan Labuan. Pertambahan kes kematian hari ini (semalam) menjadikan jumlah keseluruhan angka korban akibat COVID-19 ialah sebanyak 8,408," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 42 kluster baharu jangkitan COVID-19 dikesan semalam dengan 25 daripadanya berpunca daripada tempat kerja, 12 dalam kalangan komuniti, masing-masing dua kluster pusat tahanan dan kumpulan berisiko tinggi

serta satu dalam institusi pendidikan.

Mengulas mengenai kes harian COVID-19 di negara ini, beliau berkata, ia kekal lima angka sejak kali pertama dicatatkan 13 Julai lalu dengan 16,117 kes baharu dilaporkan, semalam.

Beliau berkata, pertambahan kes hari ini (semalam) menjadikan jumlah keseluruhan COVID-19 di negara ini meningkat kepada 1,044,071 kes dan tiga negeri mencatatkan kes empat angka iaitu Selangor dengan 6,616 kes, diikuti Kuala Lumpur (2,457) dan Kedah (1,000).

"Selain itu, Johor 907 kes, Sabah (741), Melaka (674), Negeri Sembilan (669), Pulau Pinang (618), Kelantan (592), Perak (583), Sarawak (405) dan Pahang (403).

"Pertambahan kes turut dilihat di Terengganu dengan 317 kes, Putrajaya (122), Labuan (11) dan Perlis (dua)," katanya.

Pertambahan kes hari ini (semalam) menjadikan jumlah keseluruhan COVID-19 di negara ini meningkat kepada 1,044,071 kes dan tiga negeri mencatatkan kes empat angka

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL

Peserta Hartal Doktor Kontrak tak langgar undang-undang

Kangar: Tiada siasatan lanjut dijalankan terhadap peserta demonstrasi aman yang menyertai Hartal Doktor Kontrak di Hospital Tuanku Fauziah (HTF), di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kangar Superintendan Wari Kiew berkata, pihaknya mengesahkan menerima satu laporan polis dibuat berkenaan demonstrasi yang diadakan di perkarangan Blok B, HTF itu.

“Namun, tiada siasatan lanjut dijalankan kerana kita dapati tindakan peserta itu yang berkumpul tidak melanggar undang-undang.

“Malah, peserta juga di-

dapati mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan seperti pemakaian pelitup muka dan penjarakan fizikal,” katanya ketika dihubungi semalam.

Kelmarin, hampir 50 doktor perubatan berjawatan kontrak mengadakan demonstrasi aman selama 30 minit di HTF yang bermula pada jam 11 pagi.

Demonstrasi itu bukan sahaja disertai doktor kontrak yang bertugas di HTF, tetapi doktor kontrak yang bertugas di seluruh kemudahan kesihatan kerajaan di Perlis.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : LOKAL

Terpaksa 'belajar' hidup bersama virus

Kuala Lumpur: Bermula di Wuhan, China pada Disember 2019, jangkitan Covid-19 menular hampir ke semua negara termasuk Malaysia dan mendekati dua tahun, serangan virus itu tidak menunjukkan tanda-tanda akan reda dengan angka korban terkini melebihi empat juta orang di seluruh dunia.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dan diperseujui majoriti pakar kesihatan, baru-baru ini menyatakan Covid-19 berkemungkinan besar menjadi endemik iaitu kekal dan menjadi sebahagian daripada kehidupan harian kita seperti selesema. Persoalannya, bersediaakah kita untuk 'hidup' bersama virus yang setakat semalam telah meragut 8,201 nyawa di negara ini?

Pakar Kesihatan Pekerjaan, Kecemasan dan Kesihatan Am, Dr Hanafiah Basbirun berkata, mahu tidak

mahu perkara itu berkeungkinan besar menjadi hakikat yang perlu diterima rakyat negara ini.

"Kita dapati hanya beberapa negara sahaja yang merekodkan kes sifar dalam tempoh dua minggu berturut-turut mutakhir ini, sekali gus membuktikan negara-negara di seluruh dunia akan menerima Covid-19 sebagai sebahagian kehidupan, seperti influenza (H1N1) yang terdeteksi pada 2009 dan kemudian menjadi endemik," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata apabila bertukar status kepada endemik, kes baharu tidak perlu lagi dimaklumkan kepada orang awam, namun rakyat perlu mengambil langkah berjaga-jaga secara berterusan termasuk mematuhi tiga prosedur operasi standard (SOP), iaitu penjarakan fizikal, pemakaian pelitup muka dan kerap membasuh tangan.



REAKSI warga emas, Khoo Swee (tengah) yang berusia 101 tahun ketika hadir bagi mendapatkan dos kedua suntikan vaksin Covid-19 di Hospital KPJ Klang, semalam.

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

207 kematian

16,117 kes positif baharu direkod semalam

Kuala Lumpur

Kes baharu Covid-19 semalam merekodkan sebanyak 16,117 kes menjadikan jumlah keseluruhan 1,044,071 kes dengan 165,901 kes aktif dan 207 kematian.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 87 kes atau 0.5 peratus adalah daripada kategori lima iaitu kritikal dan memerlukan bantuan pernafasan dengan 95.4 peratus kes tiada sejarah vaksinasi.

Menurutnya, terdapat 124 kes atau 0.8 peratus adalah kategori empat yang mengalami radang paru-paru dan memerlukan bantuan oksigen dengan 83.9 peratus kes tiada sejarah vaksinasi.

"135 kes lagi atau 0.8 peratus adalah kategori tiga yang mengalami radang paru-paru dengan 73.3 peratus kes tiada sejarah vaksinasi.

"Sebanyak 6,710 kes atau 41.6 peratus pula adalah kategori dua yang mengalami gejala ringan dengan 79.5 peratus kes tiada sejarah vaksinasi.

"Sebanyak 9,061 kes atau 56.3 peratus adalah kategori satu yang tidak bergejala dengan 94.4 peratus kes tiada sejarah vaksinasi," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, berdasarkan keadaan klinikal pesakit semasa baru didiagnosa Covid-19, ada di antara mereka kekal di kategori sama sepanjang tempoh jangkitan.

"Namun ada juga yang berubah status kesihatan mereka sama ada bertambah

baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

"Secara keseluruhannya, sebanyak 2.1 peratus kes dilaporkan berada pada kategori tiga hingga lima dengan 82.7 peratus tiada sejarah vaksinasi.

"Sebanyak 97.9 peratus kes pula pada kategori satu dan dua dengan 88.1 peratus tiada sejarah vaksinasi," katanya.

Beliau berkata, daripada 16,117 kes dilaporkan, 26 adalah kes import, manakala 16,091 kes lagi membabitkan penularan tempatan.

"Selangor kekal melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 6,616 kes diikuti Kuala

Lumpur (2,457 kes) dan Johor (907).

"Terdapat 1,023 kes positif Covid-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 524 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Katanya, sebanyak 11,526 kes dilaporkan pulih menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 865,439 kes atau 82.0 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Terdapat 207 kematian dilaporkan membabitkan 181 warga tempatan serta 26 warga asing dengan Selangor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 96 kes diikuti Kuala Lumpur (34 kes) dan Johor (21 kes).

"Kes-kes itu menjadikan jumlah kumulatif kematian sebanyak 8,408 kes atau 0.81 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

“
Sebanyak 56.3 peratus adalah kategori satu yang tidak bergejala
Dr. Noor Hisham

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL

Oleh Mohd Iskandar
Ibrahim
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sebanyak 278,023 perjawatan tetap diluluskan kepada Kementerian Kesihatan (KKM) oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) setakat 31 April lalu.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, selain itu, lebih 40,000 pe-lantikan secara kontrak turut diluluskan mem-babitkan implikasi kewangan sebanyak RM4.3 bilion.

"Bagi aspek pengurusan sumber manusia pula, KKM merakamkan penghargaan kepada pihak yang terlibat meluluskan perjawatan dan elantikan sumber manusia di KKM.

"Kementerian Kewangan meluluskan peruntukan emolument kepada pegawai di KKM yang kini berjumlah lebih RM18 bilion (63 peratus daripada peruntukan belanja mengurus KKM)," katanya pada sesi penerangan Mesyuarat Khas Dewan Rakyat di sini, semalam.

Dr Adham berkata, KKM turut membuat penugasan semula secara dalaman bagi petugas kesihatan dan bukan kesihatan dari negeri tertentu ke negeri serta fasiliti yang memerlukan sumber manusia tambahan.

Antaranya bagi tahun lalu, seramai 1,375 anggota perubatan dan 276 anggota kesihatan awam dari pelbagai kategori dan skim perkhidmatan dimobilisasikan dari

KEKUATAN HADAPI PANDEMIK

JPA luluskan 278,023 perjawatan tetap kepada KKM setakat 31 April lalu

Semenanjung dan Sarawak ke Sabah.

"Langkah ini bagi menampung keperluan perkhidmatan semasa penularan pandemik Covid-19 di Sabah. KKM turut melaksanakan pembelian perkhidmatan daripada sejumlah 200 kaunselor dan doktor swasta bagi menyokong perkhidmatan kesihatan mental serta perawat perubatan bukan covid-19 mengikut daerah dan lokaliti.

"KKM juga berkolaborasi dengan agensi awam lain bagi mobilitasi pegawai di bawah agensi berkenaan.

JPA memberi kerjasama untuk memobilisasi 211 Pembantu Tadbir (Kewangan) untuk melaksanakan tugas kutipan fi di pin-



tu masuk utama dan stesen kuarantin di seluruh negara termasuk Sabah," katanya.

Menurutnya, bagi tahun ini sehingga 20 Julai lalu, seramai 2,210 petugas dalam pelbagai kategori dimobilisasi ke Kelantan, Sarawak, Kuala Lumpur, Hospital Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan.

"Selain itu, KKM melantik 1,519 petugas kesihatan kontrak tambahan berdasarkan kelulusan agensi pusat untuk ditempatkan di fasiliti kesihatan Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Hospital Kuala Lumpur.

"Penempatan ini bertujuan bagi memenuhi keperluan tambahan sumber manusia di Lembah Klang supaya kes Covid-19 dapat di-kendalikan dengan pantas, cekap dan berkesan," katanya.

Jumlah katil di ICU meningkat 485 peratus

Kuala Lumpur: Jumlah katil bukan Unit Rawatan Rapi (ICU) di 221 hospital di seluruh negara meningkat kepada 15,090 berbanding hanya 4,395 pada 30 Mac tahun lalu iaitu peningkatan sebanyak 373 peratus.

Manakala 1,533 katil di ICU iaitu 1,405 di hospital awam dan 128 di hospital swasta, meningkat 485 peratus berbanding 316 katil pada tempoh sama.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, bagi meningkatkan kapasiti katil merawat Covid-19 di hospital awam, pengubahsuaian ruangan tertentu di dalam dan di luar bangunan hospital untuk dijadikan wad dan ICU sementara sudah dilaksanakan termasuk pembinaan Hospital Medan, ICU Medan, ICU Modular dan penggunaan ICU di hospital swasta.

"Setakat ini, tiga ICU Modular disediakan dan beroperasi di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Hospital Kepala Batas dan Hospital Melaka.

"Bagi menampung peningkatan kes Covid-19 khususnya kategori empat dan lima, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menambah lima lagi ICU Modular di beberapa hospital yang mempunyai kes yang tinggi iaitu Hospital Tengku Ampuan Rahimah (Tambahan), Hospital Selangor, Hospital Tuanku Jaafar (Seremban), Hospital Tawau dan Hospital Sibu.

"Selain daripada penyediaan fasiliti, peralatan perubatan seperti katil pesakit, katil ICU, ventilator iaitu 2,468 unit ventilator dengan kadar penggunaan 60 peratus, monitor pesakit dan sebagainya



Selain daripada penyediaan fasiliti, peralatan perubatan seperti katil pesakit, katil ICU, ventilator iaitu 2,468 unit ventilator dengan kadar penggunaan 60 peratus, monitor pesakit dan sebagainya turut dipertingkatkan bagi memperkukuhkan keupayaan dan sebagai kesiapsiagaan dalam menangani pandemik Covid-19"

Dr Adham Baba

turut dipertingkatkan bagi memperkukuhkan keupayaan dan sebagai kesiapsiagaan dalam menangani pandemik Covid-19," katanya dalam Mesyuarat Khas Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata, sehingga kini, terdapat 221 hospital di seluruh negara yang dikhususkan bagi rawatan pesakit Covid-19 iaitu 104 daripada KKM, enam hospital universiti, 112 hospital swasta dan sebuah hospital Angkatan Tentera.

Katanya, sebanyak 11 hospital KKM adalah berstatus Covid-19 penuh dan selebihnya berstatus hibrid yang turut merawat pesakit bukan Covid-19.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : LOKAL

Malaysia mampu buat 122,603 ujian RT-PCR SARS-CoV-2 sehari

Kuala Lumpur: Dewan Rakyat diberitahu sebanyak 51 makmal kerajaan dan 43 makmal swasta mempunyai kemampuan untuk menjalankan ujian RT-PCR SARS-CoV-2 di seluruh negara dengan kapasiti ujian sebanyak 122,603 ujian sehari.

Ini satu jumlah yang tinggi berbanding kapasiti ujian RT-PCR pada Mac 2020 sebanyak 6,210 ujian sehari iaitu peningkatan sebanyak 1,874 peratus.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, berdasarkan peningkatan kemampuan itu, kapasiti ujian di setiap negeri juga ditingkatkan sepanjang tempoh berkenaan.

"Sebagai contoh, di Selangor, bilangan ujian RT-PCR yang dijalankan pada 2020 adalah sebanyak 840,165 dan jumlah ini meningkat kepada 2.43 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2021.

"Malaysia adalah antara negara pertama yang menggunakan kaedah ujian RTK-Ag SARS-CoV-2 untuk pengesanan Covid-19 di fasiliti kesihatan dan lapangan," katanya.

Kuala Lumpur: Bantuan khas sekali bayar RM5,000 diberikan kepada waris pesakit yang meninggal dunia akibat Covid-19.

Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) menerusi perkongsiannya memaklumkan bantuan pengurusan kematian Covid-19 itu akan diberikan kepada pemohon yang memenuhi syarat kelayakan.

Bantuan khas itu hanya layak untuk kematian pesakit berstatus warganegara dengan permohonan dibuat oleh waris.

"Selain itu, hanya pengesahan kematian berkaitan Covid-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) saja terpakai untuk permohonan bantuan.

"Syarat lain adalah hanya seorang waris saja yang layak menerima bantuan khas itu dan Nadma akan mempertimbangkan permohonan pertama saja jika lebih satu permohonan diterima," katanya.

Menurut Nadma, waris



PESAKIT COVID-19 MENINGGAL DUNIA

Waris layak dapat bantuan khas RM5,000

perlu mengisi borang permohonan lengkap dengan menyertakan bersama dokumen penting dan kegagalan berbuat demikian menyebabkan permohonan ditolak.

"Borang permohonan (Lampiran A) disahkan oleh hospital yang memaklumkan kematian berkaitan Covid-19 perlu diisi.

"Dokumen lain diperlukan adalah salinan sijil kematian, salinan kad pengenalan waris dan si mati dan salinan penyata bank milik pemohon yang masih aktif.

"Permohonan lengkap boleh dihantar melalui kiriman pos kepada Ketua

Pengarah Nadma di alamat Nadma, Jabatan Perdana Menteri, Aras 7, Blok D5, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502, Putrajaya untuk pengetahuan Sekretariat Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN)

"Kaedah lain adalah menerusi kiriman e-mel ke bkccovid19@nadma.gov.my dan WhatsApp di talian 011-13218056," katanya.

Bayaran bantuan khas itu akan dibuat secara pindahan dana elektronik (EFT) kepada pemohon yang layak dalam tempoh 30 hari daripada tarikh permohonan yang lengkap.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

Pesakit aktif naik kepada 170,224 dengan 207 lagi kematian.

Kes kembali melebihi 16,000

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Pesakit yang sedang dirawat dan diasingkan terus meningkat dengan semalam mencecah sebanyak 170,224 kes termasuk 1,023 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan 524 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Kes harian negara pula kembali melepasi angka 16,000 dengan 16,117 kes termasuk 26 kes import, menjadikan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 1,044,071 kes.

Jumlah kes sembuh pula mencatatkan angka tertinggi iaitu sebanyak 11,526 kes dengan kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada Covid-19 sebanyak 865,439 kes.

Tiga negeri mencatatkan kes empat digit iaitu Selangor sebanyak 6,616 kes, diikuti oleh Kuala Lumpur sebanyak 2,457 kes dan Kedah sebanyak 1,000 kes, manakala negeri-negeri lain turut merekodkan jangkitan baharu semalam.

Sebanyak 207 kes kematian direkodkan iaitu jumlah sama se-



NEGARA mencatatkan angka 207 pesakit Covid-19 yang meninggal dunia semalam. – GAMBAR HIASAN

perti kelmarin terdiri daripada 181 warga Malaysia dan 26 warga asing dengan 31 kes meninggal dunia di luar hospital atau brought-in-dead.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes baharu semalam, 87 kes atau 0.5 peratus (95.4 peratus kes tiada sejarah vaksinasi) melibatkan ka-

tegori lima iaitu kritikal dan memerlukan bantuan pernafasan.

"Seterusnya, 124 kes atau 0.8 peratus (83.9 peratus kes tiada sejarah vaksinasi) kategori empat radang paru-paru dan memerlukan bantuan oksigen dan 135 kes atau 0.8 peratus (73.3 peratus kes tiada sejarah vaksinasi) kategori tiga radang paru-paru.

"Terdapat 6,710 kes atau 41.6

peratus (79.5 peratus kes tiada sejarah vaksinasi) kategori dua bergejala ringan dan 9,061 kes atau 56.3 peratus (94.4 peratus kes tiada sejarah vaksinasi) kategori satu tidak bergejala," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.

Beliau berkata, data tersebut berdasarkan keadaan klinikal semasa baru didiagnosis Covid-19 dan ada antara mereka kekal di kategori sama sepanjang tempoh jangkitan.

"Namun ada juga berubah status kesihatan sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

"Secara keseluruhannya pada mula didiagnosis, 2.1 peratus kes dilaporkan berada pada kategori tiga hingga lima (82.7 peratus tiada sejarah vaksinasi) dan 97.9 peratus kes pada kategori satu dan dua (88.1 peratus tiada sejarah vaksinasi)," ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, sebanyak 42 kluster baharu dilaporkan melibatkan 25 kluster tempat kerja, 12 kluster komuniti, masing-masing dua kluster pusat

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jum
Kes baharu	16,117
Import	26
Tempatan	16,091
Pulih	11,526
Kematian	207
Masih dirawat	170,224
Jumlah kes sembuh	865,439
Jumlah Kematian	8,400
Jumlah kes keseluruhan	1,044,071

tahanan dan kumpulan bertinggi dan satu kluster penitikan dengan jumlah kes positif sebanyak 1,221 kes.

Berhubung kadar kejangkitan kelmarin, nilai Malaysia adalah sebanyak manakala negeri yang mencatatkan nilai RT tertinggi ad Terengganu (nilai RT 1.29), di oleh Kedah dan Johor (nilai 1.26) serta Sabah (nilai RT 1.2).

"Semua negeri mencatat RT melebihi 1.0 kecuali Lat dan Perlis," katanya.

Aktiviti rentas negeri cetus tiga kluster di Pantai Timur

PUTRAJAYA – Tiga kluster komuniti melibatkan aktiviti rentas negeri dikesan di tiga negeri Pantai Timur melibatkan Terengganu, Kelantan dan Pahang.

Kluster tersebut ialah Kluster Kampung Anak Ikan di Besut, Terengganu (29 kes); Kluster Kampung Hutan Puteh di Machang, Kelantan (13 kes) dan Kluster Paya Keladan di Temerloh, Pahang (26 kes).

Lampiran rumusan kluster yang disertakan dengan kenyataan Ketua Pengarah Kesihatan menyebut, kes indeks Kluster Kampung Anak Ikan mempunyai sejarah merentas negeri dari Terengganu ke Pahang pada 11 hingga 15 Julai lalu.

"Kes indeks ini merupakan lelaki berumur 31 tahun yang dilaporkan positif Covid-19 pada 21 Julai selepas bergejala pada 17 Julai lalu," katanya di sini semalam.

Menurut rumusan itu, Kluster Kampung Hutan Puteh pula melibatkan kes indeks yang mempunyai sejarah merentas negeri dari Kelantan ke Selangor pada 12 hingga 17 Julai lalu.

"Kes indeks bagi kluster ini



PETUGAS kesihatan melakukan ujian saringan Covid-19 terhadap penduduk di Kampung Teluk Menara, Manir, Kuala Terengganu baru-baru ini.

merupakan lelaki, berusia 38 tahun yang dilaporkan positif pada 21 Julai hasil saringan kontak rapat," katanya.

Sementara itu, Kluster Paya Keladan pula melibatkan kes indeks yang mempunyai sejarah merentas negeri dari Pahang ke Kelantan pada 12 hingga 14 Julai lalu.

"Kes indeks ini berusia 26 tahun yang dilaporkan positif pada

19 Julai selepas bergejala pada 14 Julai lalu," katanya.

Katanya, nama kluster terlibat merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Kampung Anak Ikan, Besut dan Kampung Hutan Puteh, Machang.

Ketiga-tiga kluster tersebut merupakan antara 42 kluster baharu yang dikesan semalam termasuk 12 kluster komuniti.

Putrajaya catat rekod jangkitan harian tertinggi

PUTRAJAYA – Sebanyak 122 kes positif Covid-19 yang dikesan di Wilayah Persekutuan Putrajaya semalam adalah kes harian tertinggi pernah direkodkan.

Perkara itu disahkan Pusat Penyelarasan dan Pengurusan Covid-19 Wilayah Persekutuan (CCMC-WP) menerusi kenyataan akhbar semalam.

CCMC-WP berkata, 13 kes dikesan daripada dua kluster iaitu dua kes pekerja AEON Alamanda dan 11 kes adalah daripada kluster baru yang dikesan di Taska Kids Castle, PPAM Larai Presint 6, di sini.

Katanya, kes indeks kluster di Taska Kids Castle itu berpunca daripada guru taska yang beralamat di Puchong, Selangor.

"Selain itu, 80 kes lain pula adalah jangkitan kontak rapat. Daripada jumlah ini, 47 kes adalah kontak rapat melibatkan 17 keluarga, manakala 33 lagi adalah kontak rapat tempat kerja.

"Sebanyak 29 kes pula adalah kes sporadik yang dikesan menerusi saringan bergejala dan surveilans di fasiliti kesihatan," katanya menerusi kenya-

taan akhbar semalam.

Katanya, Presint 9 mencatatkan jumlah tertinggi sebanyak 27 kes diikuti Presint 11 (18 kes dan Presint 15 kes).

Selain itu, CCMC-WP berkata, majoriti kes di Presint adalah daripada PPAM I berikutan pengesanan kluster di Taska Kids Castle.

"Sebanyak 118 kes dikesan Putrajaya adalah kategori 1 iaitu sama ada tidak bergejala atau bergejala ringan der empat kes mengalami radang paru-paru iaitu kategori 4," katanya.

Sementara itu, CCMC memaklumkan, sebanyak peratus atau 2,515 kes positif Covid-19 di Kuala Lumpur Putrajaya semalam adalah daripada kategori 1 dan 2.

Menurutnya, selebihnya itu 2.5 peratus atau 64 kes adalah dalam kategori 3, 4 dan

"Bilangan kes tertinggi yang direkodkan hari ini (semalam) adalah yang melibatkan kontak rapat sebanyak 1 kes, manakala yang kedua tertinggi adalah kes sporadik 945 kes," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN


MUKA SURAT : MUKA DEPAN

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

FOTO: BERNAMA

Tahap antibodi menurun enam bulan selepas disuntik dos kedua

PENERIMA SINOVAC DISARAN AMBIL DOS KETIGA



Kerajaan dijangka membuat keputusan berhubung pemberian dos ketiga vaksin Covid-19 minggu ini.

- Pakar-pakar kesihatan tempatan mencadangkan supaya kerajaan memberikan dos penggalak kepada penerima vaksin Sinovac di Malaysia susulan kajian antarabangsa mendedahkan antibodi penerima menurun selepas mendapat dos kedua.
- Penyelidik China yang melaporkan dapatan itu pada Ahad menyebut suntikan penggalak dapat membantu meningkatkan sistem imun tubuh melawan virus Covid-19.
- Sebelum ini, kumpulan pakar dilaporkan akan mengemukakan beberapa syor mengenai dos ketiga atau suntikan penggalak vaksin Covid-19 pada Mesyuarat Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin Covid-19 (JKJAV) minggu ini membabitkan vaksin Sinovac, Pfizer dan AstraZeneca.

MUKA 2 & 3

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

PERKASAKAN
SUARA
MALAYSIAInfo
vaksin
Sinovac

13 Januari 2021

- Pharmaliaga Logistics Sdn Bhd mengumumkan telah menandatangani perjanjian dengan syarikat Sinovac Biotech dari China untuk membotol dan mengedarkan 14 juta dos vaksin Covid-19.

27 Februari 2021

- Malaysia menerima kumpulan pertama vaksin Sinovac yang tiba secara pukal dalam bentuk cecair sebanyak 200 liter dan diterbangkan dengan penerbangan Malaysia Airlines MH319 menerusi Passenger-to-Cargo (P2C) menggunakan pesawat Airbus 300 yang boleh diproses menjadi lebih daripada 300,000 dos.

18 Mac 2021

- Malaysia mula melancarkan vaksinasi menggunakan Sinovac yang mempunyai dua dos suntikan.
- Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menjadi individu pertama di negara ini menerima suntikan Sinovac.

10 Julai 2021

- Agensi kesihatan Singapura mengumumkan individu yang menerima suntikan vaksin Sinovac tidak termasuk dalam kiraan jumlah Program Vaksinasi Kebangsaan.

12 Julai 2021

- Arab Saudi membenarkan individu yang menerima suntikan vaksin Sinovac memasuki negara itu.

27 Julai 2021

- Penyelidik China melaporkan keberkesanan antibodi daripada suntikan vaksin Sinovac merosot selepas enam bulan suntikan kedua bagi kebanyakan penerima.
- Setakat 27 Julai 2021, Malaysia telah menerima sebanyak 12.4 juta dos vaksin Sinovac.

VAKSIN UNTUK RAKYAT

Perlu dos ketiga untuk penerima Sinovac

Saranan pakar kesihatan susulan hasil kajian penyelidik China

Oleh NAZRIN ZULKAFLI

SHAH ALAM

Pakar-pakar kesihatan mencadangkan agar kerajaan memberikan dos ketiga atau dos penggalak (*booster*) kepada penerima vaksin jenis Sinovac di negara ini.

Pakar Virologi Universiti Sains Malaysia, Profesor Madya Dr Yahya Mat Arip berkata, berdasarkan kajian daripada penyelidik China, vaksin itu hanya mempunyai tahap antibodi 16.9 dan 35.2 peratus melebihi paras ambang enam bulan selepas dos kedua.

Jelasnya, tahap minimum keberkesanan sesuatu vaksin yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) adalah melebihi 50 peratus.

"Ia tidak bermaksud vaksin Sinovac ini tidak berkesan, cuma ia memerlukan dos tambahan bagi memastikan individu yang menerima vaksin itu dapat perlindungan yang optimum.

"Jika dos ketiga ini boleh memberikan perlindungan melebihi daripada 50 peratus, ia adalah sesuatu yang baik dan perlu pertimbangkan serta dilaksanakan.

"Jadi, kalau ini yang dilaporkan, bermaksud ada keperluan untuk kita ambil dos yang ketiga.



FOTO BERNAMA

Pakar kesihatan mencadangkan supaya penerima vaksin Sinovac diberi suntikan ketiga untuk mendapatkan perlindungan yang optimum.

MEDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?

"Perkara berkenaan keperluan dos ketiga ini juga telah berada dalam perhatian pihak yang bertanggungjawab," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ahad lalu, agensi berita *Reuters* melaporkan, keberkesanan antibodi daripada vaksin Sinovac merosot dalam tempoh enam bulan selepas suntikan kedua bagi kebanyakan penerima.

Tambah laporan itu, suntikan ketiga boleh memberi kesan rangsangan yang kuat, meningkat perlindungan antara tiga hingga lima kali ganda berbanding situasi pada minggu keempat selepas dos kedua.

Mengulas lanjut, Dr Yahya berkata, dos ketiga juga diperlukan memandangkan terdapat kes-kes yang melibatkan varian baharu yang lebih cepat menular.

"Kalau kita lihat kepada situasi semasa, ada kes melibatkan varian baharu. Jadi, keperluan untuk dos perangsang ini memang ada disebabkan varian baru ini," ujar Dr Yahya.

Tambah beliau, keperluan dos ketiga juga adalah kerana Sinovac merupakan vaksin yang dinyahaktifkan selain menggunakan teknologi tradisional jika dibandingkan dengan AstraZeneca dan Pfizer yang dihasilkan daripada teknologi lebih moden.

Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr Zamberi Sekawi pula berkata, dos penggalak perlu diutamakan kepada golongan berisiko tinggi.



DR ZAMBERI



DR YAHYA

Menurutnya, golongan tersebut terancam sekiranya laporan berkaitan antibodi merosot itu benar dan ditambah dengan varian baharu wujud seperti Delta.

Tambah beliau, cadangan penambahan dos bagi vaksin Sinovac juga perlu melihat kepada keadaan semasa.

"Kena tengok risiko semasa, jika kes banyak misalnya ia satu keperluan. Tetapi apabila kes menurun dan kematian tak banyak, hanya beri kepada individu berisiko.

"Kita juga kena lihat data daripada negara lain. Jangan fokus kepada satu data sahaja.

"Kena ada kajian melibatkan lebih ramai lagi. Kalau betul, memang kena ada dos penggalak," ujar Dr Zamberi.

Ahad lalu, Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, kumpulan pakar akan mengemukakan syor mengenai dos ketiga atau booster shot pada Mesyuarat Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin Covid-19 (JKJAV) minggu ini.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Tetapkan harga siling pemvaksinan

Saranan PAC kepada kerajaan apabila vaksin mula dijual kepada rakyat Ogos ini

KUALA LUMPUR



KAH WOHO

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mencadangkan agar kerajaan menetapkan harga siling bagi pemvaksinan Covid-19 apabila vaksin Sinovac dijual kepada rakyat bermula Ogos ini.

Pengerusi PAC, Wong Kah Woh berkata, penetapan harga siling yang meliputi harga vaksin oleh Pharmaniaga dan kos dikenakan klinik atau hospital swasta amat perlu supaya harga pemvaksinan berada pada tahap wajar serta tidak membebankan rakyat.

"Jawatankuasa mengambil maklum bahawa kerajaan akan membenarkan penjualan vaksin Covid-19 di pasaran terbuka bermula Ogos dan

MEDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

adalah penting supaya harga siling untuk pemvaksinan itu ditetapkan dan diumumkan kepada rakyat dengan segera.

"Jawatankuasa ini juga mengambil maklum harga untuk pemvaksinan Covid-19 sudah mula dipromosikan dan harga ditetapkan adalah tinggi berbanding yang sepatutnya," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Mengenai prosiding perolehan vaksin Covid-19 dan penggunaannya terhadap rakyat Malaysia, Kah Woh berkata, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar hadir di hadapan PAC pada Selasa bagi kali kedua.

Kah Woh berkata, PAC akan meneruskan prosiding berhubung isu itu pada Rabu dengan memanggil Menteri Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz manakala Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah pada minggu depan. - *Bernama*

Malaysia rekod suntikan vaksin tertinggi

KUALA LUMPUR - Kadar vaksinasi harian negara menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) mencatatkan rekod tertinggi pada Isnin iaitu sebanyak 521,923 dos.

Sebelum ini, jumlah pemberian vaksin harian tertinggi adalah 507,050 dos yang dicatat pada 22 Julai.

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV) memaklumkan, seramai 333,621 individu menerima dos pertama manakala 188,302 mendapat dos kedua.

Selangor merupakan negeri paling banyak memberikan suntikan iaitu 130,187 dos diikuti Kuala Lumpur (85,647), Sarawak (38,977 dos) dan Perak (32,311).

Secara kumulatifnya, JKJAV berkata, sebanyak 17,839,476 dos sudah diberikan kepada penduduk di negara ini setakat ini. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

VAKSIN UNTUK RAKYAT

11,526 rekod kes sembuh tertinggi

Kes positif meningkat kepada 16,117, catat 207 kematian dua hari berturut-turut

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID

PUTRAJAYA

Malaysia melaporkan kes sembuh tertinggi pada Selasa dengan 11,526 pesakit telah pulih.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatifnya, 865,439 kes.

"Ia bersamaan dengan 82.9 peratus," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Kes sembuh tertinggi sebelum ini direkodkan pada 23 Julai dengan 10,094 kes.

Menurutnya, kes harian positif Covid-19 kembali meningkat selepas 16,117 kes baharu dilaporkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Ia menyaksikan

Lembah Klang masih menjadi penyumbang utama angka tersebut iaitu Selangor (6,616) dan Kuala Lumpur (2,457) kes.

Sebanyak 1,000 kes direkodkan di Kedah, Johor (907), Sabah (741), Melaka (674), Negeri Sembilan (669), Pulau Pinang (618), Kelantan (592), Perak (583), Sarawak (405), Pahang (403), Terengganu (317) dan Putrajaya (112).

Hanya Labuan dan Perlis mencatatkan kes baharu dua angka iaitu masing-masing 11 dan dua.

Dr Noor Hisham berkata, daripada 16,117 kes baharu, terdapat 87 kes berada di kategori lima.

Katanya, terdapat 124 kes dikelaskan sebagai kategori empat yang mana 83.9 peratus tidak mempunyai sejarah vaksin.

"Bagi kategori tiga pula, sejumlah 135 kes direkodkan yang turut melibatkan 73.3 peratus individu tiada sejarah vaksinasi," kata beliau.

Katanya, seramai 6,710 pesakit dikategorikan sebagai kategori dua manakala 9,061 pe-



DR NOOR HISHAM

sakit kategori satu.

"Peratusan bagi pesakit kategori dua dan satu yang tiada sejarah vaksinasi masing-masing adalah 79.5 dan 94.4 peratus," katanya.

Pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif kes positif adalah

1,044,071.

Ujarnya, sebanyak 170,224 kes aktif di seluruh negara yang mana 1,023 pesakit ditempatkan di unit rawatan rapi (ICU).

"Kes yang memerlukan bantuan pernafasan adalah 524," katanya.

Sementara itu, kes kematian kekal 207 kes dua hari berturut-turut.

Ia membabitkan 181 rakyat tempatan dan 26 warga asing.

Tambah Dr Noor Hisham, sebanyak 96 kes kematian direkodkan di Selangor, Kuala Lumpur (34), Johor (21), Melaka (17), Kedah (15), Negeri Sembilan (tujuh) dan Kelantan (lima).

"Terengganu dan Sabah merekodkan tiga kes kematian, dua kes di Sarawak dan Pahang serta satu di Pulau Pinang serta Labuan," kata beliau lagi.

MEDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA


KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



Kategori 1 Tanpa gejala
Kategori 2 Gejala ringan
Kategori 3 Jangkitan paru-paru
Kategori 4 Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen
Kategori 5 Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPRC Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 27 Julai 2021

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	1,044,071	PULIH:	865,439	ICU:	1,023	KEMATIAN:	8,408	KES BAHARU:	16,117	SUDAH DIVAKSIN:	17,839,476
---------------------	-----------	--------	---------	------	-------	-----------	-------	-------------	--------	-----------------	------------

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : PERSIDANGAN KHAS DEWAN RAKYAT

Laporan HIDAYAH HAIROM dan
RAIHAM MOHD SANUSI

PERSIDANGAN KHAS DEWAN RAKYAT



Kerajaan jamin tiada tindakan disiplin



Kerajaan memberi jaminan bahawa tiada sebarang tindakan disiplin akan diambil terhadap doktor-doktor kontrak yang terlibat dalam protes aman di hospital-hospital kerajaan seluruh negara pada Isnin.

Terhadap doktor kontrak yang terlibat dalam protes aman pada Isnin

KUALA LUMPUR

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba memberi jaminan bahawa tiada sebarang tindakan disiplin akan diambil terhadap doktor-doktor kontrak yang terlibat dalam protes aman di hospital-hospital kerajaan seluruh negara pada Isnin.

Beliau berkata demikian menjawab isu-isu yang di-

bangkitkan ahli-ahli Parlimen berhubung kebijakan doktor kontrak, pada sesi pergilangan Sidang Khas Dewan Rakyat pada Selasa.

"Kita tidak akan ambil tindakan disiplin terhadap doktor kontrak yang adakan hartal," katanya.

Pada sesi sama, penjelasan Dr Adham berhubung langkah interim kerajaan memberi lanjutan kontrak bagi doktor kontrak selama dua tahun menerima kritikan beberapa ahli Parlimen.

Antaranya bekas Menteri Kesihatan, **Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (PH-Kuala Selangor)** yang mendesak agar lanjutan dibuat untuk tempoh lapan tahun.

MEDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

Bagaimanapun Dr Adham berkata, ia adalah langkah interim dan memohon agar Dewan Rakyat memberi sokongan agar pihaknya dapat membawa tuntutan tersebut dalam tempoh dua tahun ini ke Parlimen.

Pada Isnin, beberapa kumpulan doktor kontrak terlibat dalam protes aman serentak di beberapa hospital awam bagi menyatakan bantahan mereka terhadap layanan kerajaan berhubung masa depan kerjaya mereka.

Pengumuman kerajaan berhubung lanjutan kontrak juga disifatkan tidak memenuhi tuntutan asal mereka yang mahukan jaminan penjawatan tetap untuk jangka masa panjang.

Kebenaran penggunaan Ivermectin diketahui September

KUALA LUMPUR - Keputusan sama ada Malaysia akan membenarkan penggunaan Ivermectin untuk merawat pesakit Covid-19 akan diketahui selepas keputusan kajian berhubung penggunaan ubat itu diperoleh pada September nanti.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, setakat ini Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memberi kelulusan khas penggunaan ubat ini secara *off label*.

Penggunaan secara *off label* itu merujuk kepada penggunaan ubat di luar tertera dalam label dan belum atau di luar persetujuan badan atau lembaga bertanggungjawab.

Katanya, kebenaran itu diberikan dalam kajian klinikal bagi rawatan pesakit Covid-19 untuk menentukan keberkesanan dan keselamatan ubat tersebut.

"Kajian tersebut dikenali sebagai Ivermectin Treatment Efficacy in Covid-19 High Risk Patients (I-TECH). Ia telah diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan dan Etika Penyelidikan Perubatan (MREC).

"Kajian ini kini sedang dijalankan di 18 buah hospital seluruh negara. Seramai 500 pesakit Covid-19 yang berisiko tinggi dan bergejala ringan pada peringkat awal akan terlibat," katanya pada sesi pengumuman perbahasan di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau berkata demikian menjawab soalan **Mohamad Sabu (PH-Kota Raja)** mengenai penggunaan ubat Ivermectin berkenaan.

Dr Adham berkata, setakat ini juga kira-kira 200 pesakit Covid-19 telah menyertai kajian tersebut.

"Keputusan kajian ini dijangka diperoleh pada September tahun ini," katanya.

Menjawab soalan tambahan dikemukakan **Sivarasa Rasiah (PH-Sungai Buloh)** yang meminta kerajaan membenarkan ubat itu diguna oleh klinik swasta sebagai yang dilakukan Indonesia dan Filipina, Dr Adham menegaskan, keputusan berhubung perkara itu hanya boleh dibuat selepas keputusan kajian diperoleh tambahan lagi India turut menarik balik penggunaan ubat itu.

"Boleh tunggu tak untuk kajian klinikal secara random di hospital? Kalau berjaya, boleh guna. Berilah kita peluang untuk buat kajian kerana indikasi sebenar ubat ini ialah sebagai anti-helmint (ubat untuk cacing parasit)," katanya.

Justeru katanya, kerajaan perlu melihat kesan sampingan yang berlaku selepas pengambilan ubat itu untuk memastikannya benar-benar selamat digunakan.



Dr Adham menjelaskan isu tindakan menangani pandemik Covid-19 pada Sidang Khas Dewan Rakyat pada Selasa.

Kapasiti ujian RT-PCR meningkat 1,874 peratus

KUALA LUMPUR - Kapasiti ujian RT-PCR SARS-CoV-2 yang dijalankan menerusi 94 makmal di negara ini meningkat sebanyak 1,874 peratus, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Beliau berkata, sejumlah 51 makmal kerajaan dan 43 makmal swasta mempunyai kapabiliti untuk menjalankan ujian RT-PCR SARS-CoV-2 di seluruh negara, dengan kapasiti ujian sebanyak 122,603 ujian sehari.

"Berbanding kapasiti ujian RT-PCR pada bulan Mac 2020, hanya 6,210 ujian sehari iaitu peningkatan sebanyak 1,874 peratus.

"Berdasarkan peningkatan keupayaan ini, kapasiti ujian di setiap negeri telah ditingkatkan.

"Sebagai contoh, di negeri Selangor, bilangan ujian RT-PCR yang telah dijalankan pada tahun 2020 adalah sebanyak 840,165 dan jumlah ini meningkat kepada 2.43 juta dalam tempoh 6 bulan pertama tahun 2021," katanya pada Sidang Khas Dewan Rakyat pada Selasa.

Tambah beliau, Malaysia adalah antara negara pertama yang menggunakan kaedah ujian RTK-Ag SARS-CoV-2 untuk pengesanan Covid-19 di fasiliti kesihatan dan lapangan.

"Ujian RTK-Ag di Malaysia bermula

pada Mei 2020. Sehingga 26 Julai 2021, ujian RTK-Ag SARS-CoV-2 yang telah dijalankan oleh fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta adalah sebanyak 8,325,083 (agensi kerajaan: 2,589,655 dan agensi swasta: 5,735,428)," katanya.

Dr Adham turut menyentuh mengenai pengukuhan surveilan Covid-19, yang mana terdapat 35 jenis saringan yang dijalankan termasuk surveilan influenza like-illness (ILI) dan Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI) dalam mengesan awal kes serta kontak rapat bagi membendung penularan pandemik.

Ujarnya, KKM juga menubuhkan 180 Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di seluruh

negara bagi mengendalikan penilaian ke atas individu yang dikesan positif selepas menjalani ujian saringan.

"Ia bertujuan mengenal pasti tahap keterukan pesakit mengikut kategori satu hingga lima bagi tujuan rawatan susulan, mengenal pasti pesakit Covid-19 di dalam kategori satu dan dua yang sesuai untuk menjalani pengasingan atau kuarantin di rumah (HSO) selama 10 hari.

"Secara purata, kedatangan pesakit di setiap CAC Lembah Klang adalah kira-kira 700 hingga 3,000 pesakit sehari, manakala purata kedatangan pesakit di setiap CAC di negeri lain adalah seramai 100 hingga 500 pesakit sehari," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

Jamin tidak dikenakan tindakan doktor kontrak

PUTRAJAYA: Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba memberi jaminan tidak akan mengenakan apa-apa tindakan ke atas sekumpulan doktor kontrak yang melakukan solidariti aman semalam.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, beliau berkata, mereka berhak berbuat demikian bagi menyuarakan pandangan.

"Tidak akan ada apa-apa tindakan kepada mereka walaupun mereka keluar semalam. Mereka berhak berbuat demikian," katanya di sini semalam.

Kira-kira 4,000 doktor kontrak di seluruh negara menyertai mogok secara aman semalam di lokasi mereka bertugas walaupun berisiko dikenakan tindakan tatatertib atau undang-undang.

Mogok membabitkan 30 hingga 100 doktor kontrak di setiap hospital kerajaan itu berlangsung dalam tempoh 15 hingga 30 minit dengan ma-



SEBAHAGIAN doktor mengada protes sempena Hartal Doktor Kontrak di Hospital Sungai Buloh, Selangor, kelmarin. - UTUSAN/AFIQ RAZALI

sing-masing membawa plakad dan ada yang berpakaian serba hitam bermula serentak pada pukul 11 pagi.

Jurucakap Gerakan Hartal Doktor Kontrak, Dr. Umar Baraka berkata, gerakan men-

dapat keadilan buat 23,000 doktor kontrak tidak akan terhenti dengan mogok sebaliknya membayangkan mereka mungkin akan mengambil langkah seterusnya iaitu ber-cuti beramai-ramai.

Pihaknya turut berdukacita apabila mogok tersebut tidak mendapat sokongan malah dikritik pula doktor senior sedangkan pegawai perubatan kontrak adalah sebahagian petugas barisan hadapan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : DALAM NEGERI

Doktor kontrak berdepan tindakan

Oleh OMAR ZIN

utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Walaupun Menteri Kesihatan memberi jaminan tiada tindakan akan dikenakan ke atas doktor yang menyertai Gerakan Hartal Doktor Kontrak, namun mereka tetap berdepan dengan pelbagai bentuk ugutan sejak mengadakan mogok di seluruh negara kelmarin.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, jurucakap gerakan Hartal Doktor Kontrak, Dr. Umar Baraka berkata, ada dalam kalangan mereka yang dipanggil beberapa kali untuk memberi keterangan tetapi belum menerima surat tunjuk sebab setakat ini.

"Kami sedang mengumpul maklumat ketika ini, ada yang dipanggil dua tiga kali untuk memberi keterangan," katanya.

Beliau bagaimanapun berharap mogok tersebut dapat membuka mata kerajaan berhubung tawaran kontrak untuk tempoh dua tahun lagi.

"Kami memang jangka untuk dapat jawatan tetap selepas lima tahun berkhidmat, tetapi ada dalam kalangan kami yang akan habis kontrak dan ada yang mungkin tolak kontrak dua



SEKUMPULAN 50 doktor kontrak di Hospital Tuanku Fauziah (HTF) di Kangar, Perlis adalah antara lebih 4,000 doktor kontrak yang mengadakan mogok di seluruh negara bagi menuntut diserapkan ke jawatan tetap, kelmarin.

tahun itu kerana masa depannya yang tidak jelas.

"Mesej kami jelas, kami tidak abaikan pesakit dan pada masa sama kami bersikap profesional. Setakat ini, kami tunggu Parlimen bersidang dan keputusan rasmi

dari kerajaan. Insya-Allah, kami akan dapat pembelaan sewajarnya," katanya.

Seorang lagi jurucakap, Dr. Mustapha Kamal A. Aziz juga mengakui mereka berdepan pelbagai bentuk ugutan.

"Ada yang diugut melalui telefon, melalui WhatsApp tapi belum ada yang kemukakan surat tunjuk sebab," katanya.

Pada masa sama, beliau mempertahankan keputusan hartal doktor kontrak untuk mengada-

kan mogok besar-besaran.

"Kami hanya mengamalkan hak kami sebagai rakyat seperti yang termaktub dalam perlembagaan, mengapa perlu dikenakan tindakan tatatertib? Kami berhak untuk bersuara," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION/NEWS



MOST CASES INVOLVED THOSE UNVACCINATED

NEW RECORD IN ICU ADMISSIONS

523 of 1,023 patients in ICU wards require ventilator support

VEENA BABULAL
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MALAYSIA saw a surge in the number of Covid-19 patients warded in Intensive Care Units (ICU) yesterday, notching an all-time high of 1,023 compared with 1,009 patients on Monday.

A total of 523 of the patients required breathing assistance.

The 207 deaths yesterday echoed that of Monday's figures, the highest to date.

The country's death toll now stands at 8,408.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said there were 16,117 new cases yes-

terday after a brief dip to 14,516 cases on Monday.

He said the majority of the cases were in Categories One and Two.

Those in these categories were asymptomatic or displayed very minor symptoms.

Of the total cases logged yesterday, Dr Noor Hisham said 2.1 per cent were in Categories Three, Four and Five, and 82.7 per cent of them were unvaccinated.

He said 97.9 per cent of those in Categories One and Two were unvaccinated.

He added that 87 patients (0.5 per cent) were in Category Five and they were listed as critical and in need of ventilators.

Of the patients in this category, 95.4 per cent were unvaccinated.

A total of 124 patients (0.8 per cent) were Category Four patients who required oxygen supplies due to pneumonia, said Dr Noor Hisham.

A total of 83.9 per cent of patients in this category were un-

vaccinated, he added.

Selangor accounted for 41.04 per cent (6,616 cases) of the new infections, followed by Kuala Lumpur with 15.8 per cent, or 2,457 cases.

Kedah logged the third highest number of cases (1,000), followed by Johor (907), Sabah (741), Melaka (674), Negri Sembilan (669), Penang (618), Kelantan (592), Perak (583), Pahang (403), Sarawak (405), Terengganu (317) and Putrajaya (122).

Labuan and Perlis both logged 11 and 2 infections, respectively.

Active cases now stand at 170,224.

Dr Noor Hisham said 42 new Covid-19 clusters were identified, taking the total active clusters to 1,028.

Of the new clusters, 25 involved workplaces, while 12 were linked to the community.

The remaining clusters involved two high-risk communities, two detention centres and an education establishment.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION/NEWS

DEVELOPMENT OF OWN VACCINE

ADHAM IN THE HOT SEAT OVER COVID-19

Health minister fields a barrage of questions from opposition on plans to combat pandemic

KUALA LUMPUR

QUESTIONS over the rate of vaccination and Covid-19 testing, as well as the sufficiency of treatment facilities not just in the Klang Valley but states experiencing rising numbers, dominated the proceedings on the second day of the special Parliament sitting yesterday.

Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba was the focal point of attention, taking centre stage as he fielded a barrage of questions from opposition lawmakers on the country's ongoing plans to combat Covid-19.

Dr Adham, in detailing the government's plans, said a consortium comprising the Health Ministry, Science, Technology and Innovation Ministry and Higher Education Ministry had been established to enhance the country's genome sequencing capacity.

This, he said, would enhance the country's capability to deal with new variants from the SARS-CoV-2 virus.

He said RM3 million had been allocated to the consortium, which also included the participation of several institutions and universities.



Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba outlining the country's ongoing plans to combat Covid-19 during the special sitting at the Dewan Rakyat yesterday. BERNAMA PIC

The consortium, he said, would conduct SARS-CoV-2 genome sequencing on 3,000 samples beginning Aug 1, covering more than one per cent of the overall positive Covid-19 cases.

Dr Adham also touched on Malaysia's development of its own Covid-19 vaccine and said it had entered the recruitment phase at eight study sites.

This, he said, involved the inactivated vaccine produced by Shenzhen Kangtai Biological Products Co Ltd.

The minister, in the course of his speech, had to contend with questions directed to him by other MPs.

These included queries from

his predecessor, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (PH-Kuala Selangor), who said the high infection numbers reflected the weakness of the administration and the national healthcare delivery system.

He said the government had failed to steer the nation out of the Covid-19 third wave, citing delays in carrying out mass testing, among others.

"The Health Ministry only conducts targeted testing and contact tracing after a cluster has already emerged.

"At times, a cluster is only declared a month-and-a-half after the index case was first detected," he said.

Countries like South Korea and Taiwan, he said, had a fast contact tracing system instead of merely deploying one officer to man the phones at the district health office to contact 200 to 300 people daily.

Dr Dzulkefly said while the government had recently taken a step in the right direction by not relying solely on RT-PCR tests and engaging RTK-Antigen tests, it was "too little too late".

Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (PH-Kulim Bandar Baru), meanwhile, said the Health Ministry's reluctance to share granular data on the pandemic had complicated matters.

Saifuddin, who is in the Special

Independent Emergency Committee, said lack of data, coupled with bureaucratic red tape, made it difficult for them to offer a plan based on science and data.

"We've had to rely on open sources such as Imperial College, Oxford University, One World Data and the Johns Hopkins University, but that only makes up about 80 per cent of data on Malaysia.

"Granular data is key because once processed, we can structure and approach and make recommendations.

"It's been six months and we haven't received anything yet," he said.

Meanwhile, Datuk Mohamad Alamin (BN-Kimanis) urged the government to send more vaccines to Sabah as its vaccination rate was relatively lower than other states.

He said Sabah's significant population as well as the large number of those residing in the interior justified the need for not only more vaccines but also single-dose types.

"The government had projected that by the third week of August, the number of adults who will be vaccinated in Sabah would stand at 750,000 but this figure is too low.

"The rate is still too low compared with the adult population of Sabah, which is 2.7 million people who must be inoculated."

Mohamad also lamented the lack of sufficient vaccination centres in the state, saying that while Sabah could accommodate up to 59,000 doses per day, it could only dispense about 30,000 vaccinations daily.

'No disciplinary action against doctors involved in protest'

THE government has given an assurance that no disciplinary action will be taken against any doctor or contract health officer who participated in the peaceful Hartal Doktor Kontrak demonstration on Monday, said Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba.

Replying to questions from members of parliament on the actions taken to tackle the Covid-19 outbreak at the special meeting of the Dewan Rakyat yesterday, Dr Adham said that contract doctors had the right to voice their views.

"*Insyallah* (God willing),

there will be no action against them even though they went out to demonstrate. We will not take disciplinary action," he said in response to a question from Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (PH-Kuala Selangor) on whether the Health Ministry (MOH) would take action against the contract doctors involved in the peaceful demonstration.

Earlier, Dr Adham presented his explanation on the actions taken by MOH to curb the spread of the pandemic. A total of 18 MPs raised questions and sought clarification.

On the issue of permanent posts for contract doctors, Dr Adham said that the government had prepared short- and medium-term plans, including extending the two-year contract term, to enable the MOH to table amendments to the Pension Act 1980 and the Medical Act 1971.

He said that the amendment to the two Acts was to enable contract medical officers to obtain permanent positions, with the pension method or the Employees' Provident Fund (EPF) contribution option.

"I promise to bring them

(amendments to the act) to Parliament so that we can help them (contract officers). I hope for the support of the honourable members, so that it can be discussed (to be amended) and approved so that the contract doctors can be properly protected," he said.

The issues were raised by almost all MPs, including Dr Shahidan Kassim (BN-Arau), Datuk Mohd Fasih Mohd Fakeh (Bersatu-Sabak Bernam) and Dr Kelvin Yii (PH-Bandar Kuching), who requested that the issue of permanent appointment of con-

tract doctors be resolved immediately.

Dr Dzulkefly, who started the debate yesterday, stressed that contract doctors only wanted their welfare protected and to get fair and equitable treatment.

"Don't treat them in this pandemic similar to PPEs (personal protective equipment), just discarded after use," he said.

Fasih, on the other hand, raised the question of the number of contract medical officers currently serving with the MOH to deal with the Covid-19 pandemic. **Bernama**

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

■ ALISHA NUR MOHD NOOR AT THE DEWAN RAKYAT

No action against doctors in protest: Health minister

► Several lawmakers express support for medical personnel involved in #HartalDoktorKontrak walkout

KUALA LUMPUR: Contract doctors who took part in Monday's protest to air their grievances will not face punitive action.

Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba has promised that no action will be taken against the doctors who participated in the #HartalDoktorKontrak walkout.

The doctors, who are unhappy with their contract status, had walked out on Monday morning to voice their demand for a better deal. They had complained about being paid lower salaries and missing out on various benefits.

Before the protest was staged, Adham had announced that their contracts would be extended by another two years.

At yesterday's Dewan Rakyat sitting, contract doctors found an ally in former health minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

He voiced support for their participation in the #HartalDoktorKontrak and urged the government to refrain from taking disciplinary action against them.

Batu Kawan MP Kasthuriraani Patto revealed earlier that the director of Tengku Ampuan Rahimah Hospital had issued show-cause letters to those who had taken part in the protest.

She said that they had also been harassed by police into giving statements.

"They were just showing their feelings yesterday (on Monday). When any of you fall sick, it is not ministers that can treat you, it is the doctors."

Using the hashtag #HartalDoktorKontrak on Twitter, Dzulkefly (Kuala Selangor-Amanah) had said that participating doctors were merely standing up for their rights in a civil manner.

"Don't punish any of these doctors involved in the demonstration as they were exercising their rights in a civil way to plead with the government to get them protected," he said at yesterday's sitting.

"Don't treat them like PPE (personal protective equipment), which is disposable after use. It is pertinent that we address this matter today."

According to Setiawangsa MP Nik Nazi Ahmad, the country now has 23,000 contract doctors.

He added that these doctors are under and are experiencing immense stress on the frontline in the battle against a common enemy, Covid-19.

"At the very least the government should shed light on this pressing issue and give allocation for these doctors."


According to a Malay daily, Tengku An Rahimah Hospital director Dr Zulkarnain Rawi said contract doctors who participated in the strike will face disciplinary action.

Those involved will be given show-letters as they are bound by the Hippocratic Oath, the director had reportedly said.

He reminded contract doctors that they should not be influenced into joining a demonstration as the government extended their contract period by another two years.

Hundreds of contract medical personnel took time out on Monday to participate in the walkout.

Adham said a total of 278,023 permanent posts had been approved for the Health Ministry by the Public Services Department of April 31.



Langkawi MP former prime minister Tun Dr Mahathir Mohamad at sitting yesterday.

221 hospitals treating Covid patients

A TOTAL of 221 hospitals in the country are now treating Covid-19 patients, Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba revealed.

Of the 146 public hospitals in the country, 104 are dedicated to Covid-19 treatment. Additionally, private hospitals, university hospitals and a Malaysian Armed Forces hospital are offering treatment for Covid patients on a daily basis.

As of yesterday, there were 170,224 active cases, with 1,023 people in intensive care. A total of 16,117 new cases were reported yesterday, bringing the national tally to 1,044,071.

Adham said 11 public hospitals have been classified as full Covid-19 facilities while the other hospitals also continue to treat patients

with different ailments.

He added that to bolster healthcare capability, his ministry will increase the capacity of Covid-19 treatment beds in public hospitals to manage the surge in the daily number of cases.

Adham said the number of beds for non-intensive care in the 221 hospitals involved had risen by 373%. For instance, the number of beds available for Covid patients had risen from 4,395 in March last year to 15,090 at present.

He said there are 1,533 beds in the intensive care units (ICU) at public hospitals and 128 in private hospitals, an increase of 485% compared with the same period last year.

"There are plans to renovate certain areas

inside and outside of hospital buildings to be used as temporary wards and ICU. More centres will be additional field hospitals, field and modular ICU. Private hospitals will also be roped in to accommodate patients who need intensive care.

"So far, three modular ICU have been prepared or are already operating at Ten Ampuan Rahimah Hospital, Kepala Bera Hospital and Malacca Hospital. To accommodate the increase in the number of Covid cases, especially those in categories four and five, the ministry has added five modular ICU in several hospitals.

He said RM7.13 billion has been allocated for the ministry's fight against Covid-19.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Covid may become endemic

► Under new classification, patients with mild symptoms would no longer need to be isolated

KUALA LUMPUR: Whether or not the nation is ready, it has to be prepared for the possibility that Covid-19 is not going away after all.

According to general, occupational and emergency health specialist Dr Hanafiah Bashirun, there is a possibility that Covid-19 would become endemic in Malaysia.

"Whether we like it or not, this is something that the people of this country must accept," he said.

"We have seen recently that only a few countries have recorded zero cases for two weeks in a row, proving that most nations throughout the world have to accept Covid-19 as a part of life, similar to influenza (H1N1), that emerged in 2009 and then became endemic."

Hanafiah added that once Covid-19 has its status changed to endemic, it will no longer be necessary to provide statistics on

new cases to the public.

However, precautionary measures will still be needed, including complying with standard operating procedures (SOP) involving wearing of masks, observing physical distancing and washing of hands frequently, Bernama reported.

Most importantly, the adult population should get vaccinated, said Hanafiah, who expressed confidence that inoculation and observing the SOP would be the key to controlling transmission of the virus.

He explained that after Covid-19 becomes endemic, anyone experiencing mild flu-like symptoms will be considered as having the flu and will not be referred to a hospital, unless he or she manifests severe symptoms such as breathing difficulty.

Hanafiah said patients with mild symptoms will no longer be isolated but instead treated as a normal case of viral infection.

Covid-19 was first detected in Wuhan, China, in December 2019 and since then, it has spread to all corners of the world.

More than 20 months later, it still rages across the globe and its death toll has exceeded four million worldwide.

The emergence of more aggressive new variants of the coronavirus has burdened healthcare systems further, although vaccines have since been discovered and are currently being administered to protect people against the disease, records from over the world show that vaccinated individuals can still contract Covid-19, but with less severe effects.

The World Health Organisation recently said that Covid-19 is likely to become endemic and a major view of health experts concurs with this. By declaring it an endemic, it will be a part of our daily lives similar to the flu.

In medical terms, a disease becomes endemic when it is prevalent in or restricted to a particular location, region or population. When a disease becomes endemic, the number of infections becomes relatively constant over the years, with occasional spikes in cases.



STRONG SUPPORTER ...

Vaccine recipient Khoo Swee, 101, reacts with joy as she gets her Covid jab at an inoculation centre in Selangor yesterday.
— ASYRAF RASID/THE SUN